

Janji parti pembangkang rasuah: PM

Oleh Nadzim Ahmad Jamalludin

BH 21 MAR 2001

KUALA LUMPUR Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membidas parti pembangkang yang sering mendakwa kerajaan mengamalkan rasuah sedangkan mereka sendiri turut menawarkan sogokan kepada rakyat

Perdana Menteri berkata hakikatnya parti pembangkang terutama Pas paling banyak melakukan rasuah kerana mereka sering menaburkan janji untuk meraih sokongan

Katanya janji seperti pergi ke syurga dan kekal menjadi orang Islam jika menyokong Pas adalah rasuah moral dan sogokan seumpama itu lebih berkesan kepada orang yang tidak kuat fahaman agamanya

Dia kata pangkah Pas boleh pergi syurga itu rasuah Kita tawar sesuatu untuk mendapat sesuatu sesuatu yang tidak sah katanya selepas merasmikan seminar mengenai kewibawaan dalam perniagaan di Hotel Niko di sini hari ini

Beliau ditanya mengenai langkah kerajaan menga-

“Dia kata pangkah Pas boleh pergi syurga, itu rasuah Kita tawar sesuatu untuk mendapat sesuatu sesuatu yang tidak sah ”

– Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

tasi dakyah dan tuduhan parti pembangkang kononnya kerajaan sekarang mengamalkan rasuah

Dr Mahathir berkata kerajaan telah menafikan tuduhan pembangkang kononnya ia mengamalkan rasuah dan menjelaskan keadaan sebenar kepada rakyat

Beliau menegaskan rasuah tetap dianggap buruk dan kerana itulah gejala berkenaan masih pada peringkat under the table atau tersembunyi

Ada negara rasuah berlaku secara terbuka di Malaysia tak jadi (begitu) tapi bukan tidak jadi langsun Tapi BPR (Badan Pencegah Rasuah) akan tahu mereka ada cara mengesan boleh nampak dari jauh

Saya nak beri amaran kepada orang ini jangan

terbabit dengan rasuah sebab BPR ada cara mengesan mereka dari jauh katanya

Berucap merasmikan seminar itu beliau berkata sistem demokrasi yang memberi hak mengundi kepada rakyat boleh mendorong amalan rasuah dan menyebabkan mereka memilih calon yang bukan terbaik untuk pemerintahan

Sebaliknya pengundi memilih calon yang memberi atau berjanji memberi sesuatu sama ada di dunia atau di akhirat Dengan ini pemerintahan akan terdiri daripada orang yang terbabit dengan rasuah bukannya orang yang cekap memerintah negara atau negeri katanya

Perdana Menteri mengingkatkan semua pihak su-

paya kembali kepada ajaran agama bagi menanganikan gejala rasuah Kepercayaan dan pegangan agama yang kukuh akan memperkukuhkan nilai moral dan etika

Beliau berkata persekitaran seperti itu sangat sesuai dan kondusif untuk perkembangan kerohanian dari aspek pertanggungjawaban atau akauntabiliti kepada Allah dan sesama insan

Iman akan menjuruskan seseorang kepada corak kehidupan yang mulia Bagi tujuan itu semua rakyat Malaysia baik yang berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan dunia perniagaan dan pemimpin masyarakat hendaklah saling mengingati ajaran agama dan mempunyai keimanan kukuh yang mempengaruhi setiap gerak gerak

Seminar sehari itu adalah anjuran bersama Badan Pencegah Rasuah (BPR) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna